

INFO@HEPA

# BOLA SEPAK UNIMAP MAMPU BERSAING DALAM UNI-LEAGUE

Permulaan Saingan Liga Bola Sepak Uni-League didalam Divisyen 1 (A) telah membuka tirai dengan perlawanan pertama pada 22 Mac yang mana perlawanan pertama di antara UniMAP bertemu MMU yang berkesudahan seri dengan jaringan 0-0, manakala pada perlawanan kedua diantara USM bertemu UniMAP yang mana perlawanan in telah ditunda kerana keadaan cuaca hujan lebat dan pada perlawanan ketiga pula UniMAP telah bertemu dengan USIM yang berkesudahan seri 1-1.

Namum masih ada beberapa lagi baki perlawanan pada saingan liga pada kali ini yang mana perlawan yang seterusnya akan bersambung pada bulan Jun nanti. Pasukan Bola Sepak Pelajar UniMAP pada kali telah dikendalikan oleh jurulatih yang berpengalaman iaitu En Suhairi Bin Abd Karim yang juga bekas pemain Bola Sepak Perlis. Menurut beliau persiapan pasukan kali ini agak baik dan walaupun terdapat kekangan masa dan tempat latihan pelajar namun persiapan dari fizikal dan mental para pemain telah dapat lakukan dengan baik .Pada perlawanan seterusnya pasukan UniMAP akan bertemu dengan pasukan Unisel di Batang Berjantai Selangor .

